

10/10/2003

Ombak besar tidak jejas semangat Ku Fozi

PORT DICKSON: Peristiwa dipukul ombak besar di Tanjung Laboh, Muar, sehingga mengakibatkan kayaknya nyaris terbalik, tidak menjejaskan semangat Ku Fozi Ku Hussain meneruskan usaha mencipta rekod berkayak secara solo menyusuri pantai barat Semenanjung sebagai penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mentadbir negara ini.

Demi jasa Dr Mahathir selama 22 tahun mentadbir negara, beliau berazam menamatkan usahanya itu dalam masa 22 hari di Kuala Perlis, setelah berlepas dari Tanjung Piai, Johor, 1 Oktober lalu.

Menceritakan detik menakutkan itu, Ku Fozi, 52, berkata, beliau berdepan dengan gelombang sehingga mencecah ketinggian dua meter ketika berkayak berhampiran Tanjung Laboh minggu lalu.

"Ombak itu berlaku akibat tiupan angin kencang yang datang secara mengejut. Saya betul-betul terperanjat... keadaan kayak saya sedikit kelam-kabut, mujurlah setelah berhempas pulas, saya dapat mengawal kayak daripada terbalik. Kalau tidak, entahlah," katanya ketika ditemui di sini kelmarin.

Ku Fozi tiba di Tanjung Agas dekat sini kelmarin setelah berkayak sejauh 185 kilometer (km). Setakat ini, beliau sudah berkayak sejauh 32 km dari Tanjung Piai ke Pontian Besar, kemudian 40 km ke Sungai Lurus dan Senggarang, Batu Pahat, 25 km ke Semerah, 12 km ke Muar, 23 km ke Umbai, 25 km ke Tanjung Bidara dan 28 km ke Tanjung Agas.

Keseluruhan laluannya sejauh 850 km. Beliau dijangka tiba di Kuala Perlis pada 22 Oktober.

Ku Fozi, yang mempunyai 10 anak dan seorang cucu, berkata, beliau dapat menghadapi rintangan ombak itu dengan tenang kerana sudah membuat persiapan fizikal dan mental.

"Ia juga didorong keinginan untuk membuktikan semangat Malaysia Boleh. Demi menghargai jasa Dr Mahathir, saya tetap teruskan misi ini, dan insyaAllah, berkat doa semua, saya akan cuba sampai di Kuala Perlis dalam masa 22 hari," katanya.